


Anders

TEROKAI BISNES DUNIA MAYA



KONSEP MEMBELI-BELAH DI ATAS TALIAN KINI SEMAKIN MENDAPAT TEMPAT DI KALANGAN RAKYAT MALAYSIA. BAGAIKAN CENDAWAN TUMBUH SELEPAS HUJAN, PELBAGAI LAMAN SESAWANG MAHUPUN DI LAMAN SOSIAL, BEGITU BANYAK PILIHAN UNTUK PENGGUNA Mendapatkan apa yang mereka mahu. Hanya semudah klik di hujung jari, urus niaga berjalan seperti mana cara konvensional tetapi dengan cara lebih mudah.

Di atas kerancangan membeli-belah secara atas talian yang semakin popular, seorang anak muda berani mempertaruhkan ideanya, Pokemall untuk direalisasikan dalam dunia maya. Meskipun baru berusia 29 tahun, jejaka yang bernama Anders Eriksson ini berpengalaman luas dalam bidang perniagaan dunia maya.

Selain daripada pernah membantu dalam membangunkan syarikat seperti Zalora di bawah Rocket Internet di Azerbaijan, Anders juga berjaya menjual syarikat dengan nilai beberapa juta USD ketika berkhidmat sebagai Pengasas Bersama dan Ketua Pegawai Pemasaran di Budbee.com (syarikat logistik).

"Dari dutu lagi, saya amat meminati bidang pembangunan aplikasi. Saya meneruskan kerjaya di syarikat ternama seperti Google Inc sebagai Pengurus Pembangunan Pemasaran dan paling terbaru, saya mengasaskan aplikasi bernama Pokemall AB, satu aplikasi khusus untuk para usahawan di Malaysia.

"Niat saya satu sahaja, ingin membantu SME (Small Medium Enterprise) di Malaysia menjalankan aktiviti perniagaan mereka menggunakan platform secara percuma tanpa sebarang kos. Pokemall, satu platform Internet yang menggunakan 100 peratus peranti pintar dalam proses perniagaan mereka.

"Dunia teknologi kini semakin maju. Dan apa yang boleh saya katakan, aplikasi Pokemall ini memudahkan urusan jual beli di antara pembeli dan jurujual. Aplikasi ini dikhususkan untuk membantu usahawan muda, terutamanya yang menggunakan media sosial seperti Facebook (FB) dan Instagram sebagai platform perniagaan mereka.

"Seperti laman Instagram, Poke Mall memberikan beberapa fungsi penambahan untuk memudahkan urus niaga dilakukan hanya dengan beberapa langkah. Pengguna boleh memilih mana-mana barangan yang diminati melalui akaun penjual, kemudian terus bertanyakan soalan mahupun memberikan informasi kepada penjual tentang barangan yang ingin dibeli.

"Ia secara terus menghubungkan pengguna kepada penjual dengan lebih pantas tanpa menyalin maklumat seperti nombor telefon, e-mel dan sebagainya yang sering menjadi masalah kepada peniaga dan pembeli dalam talian. Walaupun aplikasi ini dilancarkan pada Jun 2016, ia mendapat sambutan yang menggalakkan dan telah menerima 17,000 yang berdaftar di Malaysia," ujar Anders yang pernah memegang jawatan Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengasas Bersama bagi syarikat Mealbetween.

• **LENA IBNATIE-AZIZA MAT ROFF** • **SHAHRI AZMAN ZAIN** • **LEKHA ANNA IG: @SYEKU_ANNA** • **MARFEE KOLEKSI PERIBADI ANDERS**
• **STYLING SAM SYADEED IG: @SIMPLYSWEETSOURI** • **IKAS TERIMA KASIH BUAT TGI FRIDAY CURVE DAMANSARA**

MAC 2017 HARMONI 57

Business - e - Business

pg: 56-58

Control No: 0000275164

File Name: BUS2017A05.pdf

